

NOTIS MENGENAI SENARAI NILAIAN BARU (SEKSYEN 141)

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)

Menurut Seksyen 141, Akta Kerajaan Tempatan 1976, maka diberitahu bahawa Majlis Daerah Mersing menurut Peruntukan Seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah menyediakan satu Senarai Nilai Baru terhadap semua pegangan di kawasan Majlis Daerah Mersing yang akan dikuatkuasakan pada **01 JANUARI 2025** dan Majlis Daerah Mersing akan mula menyemak Senarai Nilai tersebut mulai **21 NOVEMBER 2024**.

Maka itu, mana-mana orang sama ada pemunya atau penduduk atau ejen mana-mana orang itu yang pegangannya termasuk dalam Senarai Nilai tersebut boleh memeriksa Senarai Nilai itu di pejabat Majlis Daerah Mersing, No. 1, Jalan Tun Dr. Ismail, 86800 Mersing, Johor pada waktu pejabat dan membuat cabutan.

Mana-mana orang yang terkilan kepada penilaian bagi sesuatu pegangan yang dikenakan dalam Senarai Nilai tersebut boleh menurut Seksyen 142 Akta Kerajaan Tempatan 1976, membuat bantahan secara bertulis kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Mersing pada atau sebelum **30 OKTOBER 2024**.

TEMPAT RUJUKAN DAN PEMERIKSAAN NILAIAN:

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
MAJLIS DAERAH MERSING

NO. 1, JALAN TUN DR. ISMAIL, 86800 MERSING, JOHOR.

TEL : 07-798 1818 / 1980 FAX : 07 - 799 3975

